

MENIKMATI kopi cappuccino di kafe nako sambil membeli kucing kesayangan yang duduk manis di pangkuan antara ora wanita muda di Tokyo menghilangkan penat dan menguraikan tekanan selepas sahuran bekerja.

"Selapas sepanjang hari di tempat kerja, saya hanya mahu menghabiskan masa bersama kucing saya dan membelanya sambil berehat. Saya suka kucing tetapi tidak boleh membelanya di rumah kerana bimbang di pangasaputi yang kecil."

"Saya mahu datang ke sini kerana tindakan suasana dan kegembiraan bermain dengan kucing. Saya seronok dan rasa tenang apabila dapat membeli dan memanjakan kucing," kata juruaul, Akiko Harada.

Bagi wanita seperti Harada, kafe nako adalah institusi yang menyenangkan hati kerana dengan hanya membayar harga kopi ketamaman, pelanggan berpeluang membeli kucing

yang mengesal manja di kaki mereka.

Bagaimanapun, kepada pelanggan hak asasi haiwan, kehadiran kafe nako di tengah kota Tokyo tu di anggap satu penganiayaan dan cubaan mengesploiti haiwan kerana kucing di situ dikatakan hidup dalam suasana bukan semula jadi yang boleh menyebabkan tekanan.

Mereka mengalu-alukan pembentukan undang-undang baru yang akan diwujudkan lewat tahun ini iaitu mengharuskan pameran haiwan selepas jam 6 malam.

Undang-undang baru itu digubal selepas alam sekitar menerima lebih 155,000 pemohonan daripada penduduk supaya mengambil tindakan terhadap penganiayaan dan esploiti haiwan. Jumlah pemohonan yang tinggi itu adalah perkara yang agak luar biasa di Jepun.

Pada awalnya undang-undang itu hanya disasarkan kepada pemilik kedai haiwan peliharaan di daerah niburan

Tokyo yang sering membuat pengunjung dan barat berasa bingung selepas melihat kucing dalam anjing dipamakan dalam kungkungan kaca kecil sehingga lewat malam di kedai yang terang benderang.

Bagaimanapun, pengurus kafe kucing, Shingo Yoshida berkata, dia juga akan terkena dampak undang-undang baru berkenaan dan mungkin terpaksa menutup kafe pada waktu petang iaitu waktu yang paling sibuk serta ramai pelanggan.

Kafe Yoshida yang terletak di Shibukawa, haki komersial di Tokyo, mempunyai 13 ekor kucing yang dipelihara dalam bilik dilengkapi permaidani dan kucing berkenaan bebas melompat serta memanjat pokok tiruan.

"Ini sah pameran besar kepada pengusaha kafe kucing seperti saya dan ia laada kena mengena dengan isu melindungi serta menjaga kesihatan kucing," kata Yoshida.

"Awak boleh lihat sendiri, di

siti kucing boleh berjalan dan bermain dengan bebas. Saya minta penjelasan siapa saja tidak mengutip kucing yang tidur. Pada waktu malam, kami akan memalapkan lampu. Malah, di sini kucing boleh berehat pada bila-bila masa mereka suka termasuk pada waktu siang-jelapang lagi."

Manutnya, hampir 80 peratus pelanggannya terdiri daripada pekerja makan gaji yang singah ke situ untuk mengemakan kelan dan lari daripada kesibukan kerja.

"Jika saya tutup kafe pada jam 6 malam, tidak lama lagi nampaknya terpaksa saya gantung tikar," katanya.

Rata-rata Yoshida, mahu kafe dibenarkan untuk terus beroperasi. Salah seorang pelanggan, Ayako Konzaki, pakar pejabat berkata, dia mula mengunjungi kafe berkenaan tiga tahun lalu kerana dia sangat sukakan kucing, tetapi tidak dapat membelanya dalam pangasaputi kecilnya.

"Saya bukannya orang yang

sangat sosial dan lebih suka melakukan aktiviti senyuk. Atas sebab itulah saya datang ke sini dan di sini saya boleh beriklan tumpuan kepada kucing," katanya.

Pendapat ini disokong Harada. Harada berminat membelikan kucing itu pada waktu siang dan tidak mementingkan kepada manusia. Bagaimanapun, menjelang petang, kucing akan jadi lebih aktif dan seronok untuk diajak bermain.

Kedudukan yang menguntungkan saya dan secara tidak langsung menghilangkan tekanan kerja. Kalau kafe ini ditutup pada waktu malam, tiadalah peluang

saya untuk bermain dengan kucing lagi," sambung Harada. Penyayang kucing kebajikan Haiwan, Chizuko Yamaguchi berkata, jumlah pengunjung kafe kucing yang ramai akan menyukarkan kehidupan haiwan itu.

"Dari pagi hingga malam, kawalan manusia yang tidak dikenali membeli kucing di

sana. Bagi haiwan, ia sesuatu yang boleh membuat mereka tertekan," katanya tegas.

Fusako Nogami, ketua kumpulan hak asasi haiwan, Aive berkata, perubahan undang-undang yang membenarkan pameran haiwan pada waktu malam satu langkah baik dan menjelaskan peraturan baru itu tidak membabitkan kafe kucing.

Katanya, komodifikasi haiwan di Jepun adalah satu masalah besar kerana semakin ramai yang melihat haiwan sebagai aksesori fesyen dan bukannya benda hidup yang ada hak sendiri.

"Pakar yang lebih utama dan memfokuskan perhatian masyarakat ialah cara haiwan ini dijual di Jepun. Kita perlu harapkan jual beli anak kucing dan anjing yang baru lahir. Anak kucing dan anjing ini sangat laku kerana ia comel tetapi orang ramai tidak sedar jual beli bayi haiwan ini adalah satu penganiayaan," katanya.

Haiwan aksesori fesyen

Undang-undang haramkan pameran haiwan pada waktu malam



TIDAK ANGUU - pelanggan di kafe nako tidak mempunyai kebebasan yang tinggi.



MANIA - kencing di kafe nako jadi tempatan untuk para penggemar dan teman kucing.

COMEL - anak kucing dan anjing yang comel lada di Jepun.